



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

PENDIDIKAN JASMANI



**PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dusahakan oleh
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cetakan Pertama 2002
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Pesiaran Duta, 50604 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum
Pendidikan jasmani : huraian sukatan pelajaran sekolah rendah
/ Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
ISBN **983 - 9229 - 78 - 8**
1. Physical education and training - Malaysia - Outlines, syllabi, etc.
2. Physical education and training - Malaysia - Study and teaching
(Primary). I. Judul
372.860202

Dicetak oleh
Perniagaan Rita,
No 12 & 14, Jalan 12/10,
Taman Koperasi Polis,
68100 Batu Caves

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	xi
1. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 1	1
2. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 2	23
3. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 3	45
4. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 4	71
5. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5	99
6. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 6	127
7. Pemetaan Huraian Sukatan Pelajaran Tahun 1 hingga Tahun 6 dan Kelas Peralihan hingga Tingkatan 5	153

RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan dan Kesusilaan

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.


Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran akses sendiri dan kajian masa depan. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Guru perlu sentiasa peka terhadap tahap kesihatan murid dengan mengambil kira kesepaduan ilmu, nilai dan amalan. Pengajaran dan pembelajaran dirancang supaya dapat melahirkan murid yang bijak menjaga kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Matlamat

Pendidikan Jasmani bertujuan membantu murid menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan.

Budaya Pembelajaran Pendidikan Jasmani

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani menekankan gaya hidup yang sihat dan aktif. Pendekatan yang dicadangkan bagi mata pelajaran ini ialah pembelajaran melalui kegiatan Pendidikan Jasmani yang merangkumi tiga aspek penting, iaitu :

- Penglibatan murid secara aktif dan selamat
- Interaksi yang kreatif dengan rakan, bahan dan alat
- Penyimpanan rekod kegiatan murid sebagai bukti pembelajaran

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani

Selain dokumen Sukatan Pelajaran, guru juga perlu merujuk kepada dokumen Huraian Sukatan Pelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Kesihatan mengandungi perincian kurikulum untuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Tahap I dan II serta (KBSM).

Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Kesihatan

Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani disusun mengikut tiga tunjang utama iaitu :

1. Kecergasan
Konsep tunjang ini menitikberatkan keupayaan murid melakukan aktiviti fizikal secara berterusan tanpa merasa lesu. Tumpuan diberi kepada komponen kecergasan fizikal berasaskan kesihatan dan perlakuan motor.
2. Kemahiran
Konsep tunjang ini menitikberatkan keupayaan murid melakukan kemahiran daripada aspek pergerakan otot besar dan otot halus. Tumpuan diberi kepada kemahiran asas dalam permainan, olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif dan rekreasi.
3. Kesukanan
Konsep tunjang ini menitikberatkan kefahaman dan pengetahuan bagi mengukuhkan amalan pendidikan jasmani dan sukan. Tumpuan diberi kepada aspek keselamatan, pengurusan, kerjaya, etika dan isu-isu dalam pendidikan jasmani dan sukan.

PENDIDIKAN JASMANI

PENDIDIKAN JASMANI

Kandungan Buku Ini

Buku ini mengandungi objektif dan perincian kurikulum Pendidikan Jasmani untuk sekolah rendah.

Objektif bagi setiap tahun diberi untuk membantu guru merancang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini dengan lebih tepat dan berkesan.

Perincian kurikulum untuk setiap tahun dipersembahkan mengikut tiga lajur seperti berikut :

Bidang / Unit Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran

Lajur Bidang/Unit Pembelajaran merangkumi tajuk dan subtajuk yang terdapat pada setiap tunjang pembelajaran. Guru boleh menambah tajuk di mana perlu mengikut kesesuaian murid, alatan, dan persekitaran.

Lajur Hasil Pembelajaran mengandungi tiga aras iaitu Aras 1, 2 dan 3.

- **Aras 1** adalah aras yang paling mudah dan dapat dilakukan oleh semua murid
- **Aras 2** adalah pemeringkatan dari Aras 1 bagi sesetengah murid.
- **Aras 3** pula adalah aras yang tinggi, lebih sukar dan menggalakkan pembelajaran sendiri untuk murid yang mempunyai kadar pembelajaran yang lebih cepat.

Setiap murid mesti menguasai hasil pembelajaran pada Aras 1. Bagi murid yang mempunyai kebolehan dan keupayaan adalah digalakkan untuk menguasai Aras 2 dan Aras 3. Setiap aras yang dilalui oleh murid menunjukkan tahap kemampuan seseorang murid dan kreativiti.

Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran ini boleh dirujuk oleh guru bagi mencapai hasil pembelajaran. Guru juga boleh mencadangkan aktiviti pembelajaran lain atau menambah aktiviti mengikut kebolehan murid.

Cadangan Taburan Tajuk dan Waktu Pengajaran

TUNJANG PEMBELAJARAN	TAJUK	TAHAP I/TAHUN			TAHAP II/TAHUN			*KEL. PER.	TINGKATAN				
		1	2	3	4	5	6		1	2	3	4	5
WAKTU PENGAJARAN													
Kecergasan	Daya tahan kardiovaskular	6	6	5	3	3	2	4	4	3	3	5	6
	Daya tahan otot	-	-	-	3	3	3	4	4	4	4	4	4
	Kekuatan	-	-	-	3	2	2	3	4	4	4	5	5
	Kelenturan	5	5	4	2	2	2	2	1	-	-	-	-
	Komposisi badan	-	-	-	-	-	2	-	-	1	1	-	1
	Kordinasi	5	5	4	3	-	-	-	-	-	-	-	-
	Imbangan	5	5	5	2	2	2	-	-	-	-	-	-
	Ketangkasan	5	5	5	3	3	3	1	-	-	-	-	-
	Kuasa	-	-	-	-	2	3	1	3	3	3	-	-
	Masa tindak balas	-	-	-	2	2	2	-	-	-	-	-	-
	Kepantasan	-	-	-	1	3	3	2	4	3	3	-	-
	Konsep, definisi, prinsip dan kaedah latihan	-	-	-	1	1	1	2	1	1	1	-	-
Kemahiran	Pergerakan Asas	30	30	30	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Permainan	-	-	-	14	14	14	16	15	15	15	15	15
	Olahraga	-	-	-	6	6	6	6	6	9	8	8	9
	Gimnastik	10	10	11	10	10	9	9	9	9	9	10	10
	Pergerakan Kreatif	10	10	10	-	-	-	2	2	2	2	4	4
	Rekreasi	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2	2
	Kesenggangan	2	2	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kesukanan	Keselamatan	2	2	2	1	1	1	2	-	-	-	-	2
	Pengurusan	2	2	2	2	2	1	1	2	2	2	2	-
	Kerjaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-
	Isu-isu Pendidikan Jasmani dan Sukan	-	-	1	1	1	1	2	2	1	1	2	2
	Etika	-	-	1	1	1	1	1	1	1	1	2	-
	JUMLAH WAKTU	84	84	84	60	60	60	60	60	60	60	60	60

* KEL. PER. : Kelas Peralihan

Nota : Cadangan agihan masa di atas boleh dijadikan rujukan untuk merancang rancangan tahunan mata pelajaran Pendidikan Jasmani

OBJEKTIF AM

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Tahun 1, murid dapat :

1. Melakukan aktiviti kecergasan berkaitan dengan daya tahan kardiovaskular, kelenturan, koordinasi, imbangan, dan ketangkasan;
2. Melakukan pergerakan asas, gimnastik pendidikan, dan pergerakan kreatif dengan yakin;
3. Melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan dalam suasana yang mengembirakan;
4. Mematuhi arahan serta peraturan semasa beraktiviti bagi menjaga keselamatan diri, rakan, dan kumpulan; dan
5. Berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan dalam suasana yang mengembirakan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

TUNJANG PEMBELAJARAN 1 : KECERGASAN

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1. Kecergasan Fizikal (a) Daya Tahan Kardiovaskular</p> <p>Daya tahan kardiovaskular bermaksud keupayaan jantung dan sistem peredaran darah berfungsi dengan baik.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lari berterusan selama 2-3 minit. • Lari ulang alik 10 meter selama 2-3 minit. • Lari berhalangan 2-3 minit. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Perlakuan murid. • Latihan yang sistematik. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti daya tahan kardiovaskular. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan tiga aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Menyatakan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. 	<p>Guru boleh merujuk cadangan berikut bagi mencapai hasil pembelajaran. Guru juga boleh mencadangkan aktiviti pembelajaran lain mengikut kebolehan murid.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular secara individu dan berpasangan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melakar dan mewarnakan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(b) Kelenturan</p> <p>Kelenturan bermaksud keupayaan meregang otot beserta kebebasan sendi bergerak dengan sepenuhnya.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membongkok badan ke hadapan. • Melentik ke sisi, kanan dan kiri. • Melentik ke belakang. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Perlakuan murid. • Latihan yang sistematik. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti kelenturan. • Melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti kelenturan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti kelenturan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti kelenturan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya tiga aktiviti kelenturan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti kelenturan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti kelenturan secara individu dan berkumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti kelenturan. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti kelenturan. • Melakar dan mewarnakan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti kelenturan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(c) Koordinasi</p> <p>Koordinasi bermaksud pergerakan yang melibatkan keselarasan antara mata, tangan, kaki dan badan.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lambung dan sambut bola besar atau pundi kacang. • Menggolek gelung rotan. • Lambung, sentuh lantai dan sambut pundi kacang. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Perlakuan murid. • Latihan yang sistematik. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti koordinasi. • Melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti koordinasi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti koordinasi. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti koordinasi. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya tiga aktiviti koordinasi. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti koordinasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti koordinasi secara individu dan berkumpulan. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti koordinasi. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti koordinasi. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti koordinasi.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(d) Imbangan</p> <p>Imbangan bermaksud kebolehan seseorang mengekalkan posisi badannya ketika dia berada dalam keadaan tetap atau semasa melakukan sesuatu aktiviti.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjalan sambil menjengket di atas garisan lurus. • Berjalan di atas bangku gimnastik. • Berjalan di atas permukaan bercerun. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Perlakuan murid. • Latihan yang sistematik 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti imbangan. • Melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti imbangan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti imbangan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti imbangan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya tiga aktiviti imbangan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti imbangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti imbangan secara individu dan berpasangan. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti imbangan. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti imbangan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(e) Ketangkasan</p> <p>Ketangkasan bermaksud kebolehan seseorang bergerak dengan pantas sambil bertukar arah atau posisi</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lari zig-zag sambil membawa bola • Musang dan ayam • Harimau dan kambing <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti • Kemudahan peralatan • Persekitaran atau tempat beraktiviti • Penyeliaan, arahan dan bimbingan • Perlakuan murid • Latihan yang sistematik 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti ketangkasan. • Melakukan sekurang-kurangnya satu aktiviti ketangkasan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti ketangkasan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti ketangkasan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan sekurang-kurangnya tiga aktiviti ketangkasan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti ketangkasan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti ketangkasan secara individu dan berkumpulan. • Melakar dan mewarnakan muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti ketangkasan. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti ketangkasan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

TUNJANG PEMBELAJARAN 2 : KEMAHIRAN

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1. Pergerakan Asas</p> <p>(a) Lokomotor</p> <p>Lokomotor bermaksud pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjalan • Berlari • Melompat • Merangkak • Berguling • Ketingting <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan yang sistematik seperti memanaskan badan dan menyejukkan badan • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan lokomotor. • Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan lokomotor. • Melakukan satu rangkaian aktiviti pergerakan dalam pergerakan lokomotor. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan lokomotor bersama rakan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan lokomotor. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor secara individu dan berkumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan lokomotor. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam aktiviti pergerakan lokomotor. • Menamakan sepuluh aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pergerakan lokomotor. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p style="text-align: center;">aktiviti</p> <ul style="list-style-type: none">• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Perlakuan murid.		<ul style="list-style-type: none">• Memberi contoh aktiviti harian yang berkaitan dengan pergerakan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(b) Bukan Lokomotor</p> <p>Bukan lokomotor bermaksud keupayaan untuk menggerakkan bahagian tubuh badan tanpa beralih tempat.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berdiri • Duduk • Membongkok • Memusing • Mendekam • Mengilas • Menguak • Menyokong <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan yang sistematik seperti memanaskan badan dan menyejukkan badan. • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Melakukan satu rangkaian aktiviti pergerakan dalam pergerakan bukan lokomotor. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan bukan lokomotor bersama rakan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor secara individu dan berkumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Menamakan sepuluh aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pergerakan bukan lokomotor. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Memberi contoh aktiviti harian yang berkaitan dengan pergerakan bukan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>aktiviti.</p> <ul style="list-style-type: none">• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Perlakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(c) Manipulasi Alatan</p> <p>Manipulasi alatan bermaksud mengkoordinasikan bahagian-bahagian tubuh badan bagi manipulasi alatan.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melambung • Menyambut • Membaling • Menyentuh • Menampar • Menggolek • Memukul • Menendang • Menggelecek • Menahan • Melantun <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan yang sistematik seperti memanaskan badan dan menyejukkan badan. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan manipulatif alatan. • Melakukan aktiviti pergerakan manipulatif alatan dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan manipulatif alatan. • Mereka cipta aktiviti pergerakan manipulatif dengan menggunakan alatan. • Melakukan satu rangkaian aktiviti pergerakan dalam pergerakan manipulatif alatan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan manipulatif alatan bersama rakan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pendidikan pergerakan manipulatif alatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti pergerakan manipulatif alatan secara individu dan berkumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan manipulatif alatan. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam aktiviti pergerakan manipulatif alatan. • Menamakan sepuluh aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pergerakan manipulatif alatan. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan manipulatif alatan. • Memberi contoh aktiviti harian yang berkaitan dengan pergerakan manipulatif alatan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti.• Kemudahan peralatan• Persekitaran atau tempat beraktiviti• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Pelakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>2. Pendidikan Pergerakan</p> <p>(a) Gimnastik Pendidikan</p> <p>Gimnastik Pendidikan bermaksud satu pendekatan dalam gimnastik yang memberi tumpuan kepada pembelajaran individu yang unik dari segi gaya pergerakan, pembelajaran dan perkembangan pelajar.</p> <p>(i) Tema Gimnastik Pendidikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tema 1 <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran tubuh badan • Tema 2 <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran ruang <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan yang sistematik. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti gimnastik pendidikan. • Melakukan pergerakan kesedaran tubuh badan dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan pergerakan pelbagai cara dengan menggunakan ruang am dan ruang diri dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta rangkaian pergerakan menggunakan kesedaran tubuh badan dan kesedaran ruang dalam gimnastik pendidikan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pendidikan pergerakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan pergerakan kesedaran tubuh badan secara individu dan berkumpulan. • Membincangkan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti gimnastik pendidikan. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam gimnastik pendidikan. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat dalam aktiviti gimnastik pendidikan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti.• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Perlakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(b) Pergerakan Kreatif</p> <p>Pergerakan kreatif bermaksud interpretasi idea, perasaan serta tanggapan deria yang dilahirkan secara simbolik melalui pergerakan.</p> <p>(i) Tema Pergerakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tema 1 <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran tubuh badan • Tema 2 <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran rintangan kepada beban dan masa • Tema 3 <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran ruang • Tema 4 <ul style="list-style-type: none"> - Aliran beban badan dan ruang dan masa • Tema 5 <ul style="list-style-type: none"> - Penyesuaian terhadap rakan 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan kreatif. • Melakukan aktiviti pergerakan kreatif dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan satu rangkaian pergerakan dalam pergerakan kreatif dengan mengambil kira kesedaran ruang, arah, dan aliran. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta pergerakan dengan menggunakan kesedaran tubuh badan dan kesedaran ruang dalam pergerakan kreatif. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan kreatif. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan kemahiran pergerakan kreatif secara individu dan berpasangan. • Membincangkan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan kreatif. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam kemahiran pergerakan kreatif. • Melakar dan melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan kreatif.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Latihan yang sistematik.• Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti.• Kemudahan peralatan• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Perlakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>3. Rekreasi dan kesenggangan</p> <p>(a) Rekreasi</p> <p>Rekreasi bermaksud aktiviti terancang untuk mengisi masa lapang yang bukan untuk tujuan pertandingan.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjejak • Perkhemahan • Abseiling / rappelling <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan yang sistematik. • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Perlakuan murid. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti rekreasi. • Menyatakan sekurang-kurangnya tiga aktiviti rekreasi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kesesuaian tempat atau lokasi untuk aktiviti menjejak, perkhemahan dan abseiling. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan kepentingan aktiviti rekreasi untuk diri sendiri dan keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti menjejak secara berkumpulan. • Melakukan aktiviti perkhemahan secara berkumpulan. • Melakukan aktiviti abseiling / rappelling secara berkumpulan. • Menamakan lima jenis tumbuh-tumbuhan. • Menamakan dua jenis pokok. • Menamakan lima jenis serangga. • Menunjuk cara membuat layang-layang.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(b) Kesenggangan</p> <p>Kesenggangan bermaksud aktiviti mengisi masa lapang</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bersiar-siar • Berbasikal • Menyiram bunga • Galah panjang • Rebut tiang <p>(ii) Faedah bersenggang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengisi masa lapang. • Menyihatkan tubuh badan. • Interaksi. • Kepuasan. • Keseronokan. <p>(iii) Perasaan yang dialami ketika bersenggang.</p> <p>(iv) Aspek-aspek keselamatan</p>	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan sekurang-kurangnya dua jenis aktiviti kesenggangan. • Menyatakan sekurang-kurangnya dua faedah kesenggangan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan sekurang-kurangnya tiga jenis aktiviti kesenggangan. • Menyatakan sekurang-kurangnya empat faedah kesenggangan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan kepentingan bersenggang untuk diri sendiri dan keluarga. • Menyatakan perasaan yang dialami ketika kesenggangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan folio individu berkaitan dengan aktiviti berbasikal. • Menamakan lima jenis aktiviti bersenggang. • Menamakan tiga faedah bersenggang. • Menulis tiga faedah bersenggang dalam folio. • Melakarkan memek muka untuk menyatakan perasaan apabila melakukan aktiviti kesenggangan.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 1

TUNJANG PEMBELAJARAN 3 : KESUKANAN

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1. Keselamatan</p> <p>Keselamatan dalam sukan bermaksud keadaan yang membolehkan kita melibatkan diri dalam sesuatu keadaan sukar atau permainan tanpa menimbulkan implikasi buruk.</p> <p>(a) Keselamatan semasa beraktiviti:</p> <p>(i) Keselamatan diri sendiri:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pakaian yang sesuai. • Peralatan yang betul. • Kawasan yang selamat. <p>(ii) Keselamatan rakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Elakkan daripada bergurau, bertolak-tolakan dan membaling objek kepada rakan. <p>(iii) Keselamatan dalam kumpulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi dan mendengar arahan guru dan ketua kumpulan. • Meletakkan peralatan di 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan sekurang-kurangnya tiga aspek keselamatan diri sendiri semasa beraktiviti. • Menyatakan sekurang-kurangnya dua aspek keselamatan rakan semasa beraktiviti. • Menyatakan sekurang-kurangnya dua aspek keselamatan dalam kumpulan semasa beraktiviti. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan perlakuan yang berbahaya pada rakan semasa beraktiviti. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan melalui contoh tiga situasi keselamatan bersama rakan semasa beraktiviti. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan folio berkaitan dengan keselamatan diri sendiri dan rakan semasa beraktiviti. • Bercerita tentang perlakuan yang berbahaya pada rakan semasa beraktiviti.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>tempat yang selamat.</p> <ul style="list-style-type: none">• Membawa alatan dengan selamat.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 1**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>2. Pengurusan</p> <p>(a) Pengurusan diri:</p> <p>(i) Kebersihan tubuh badan.</p> <p>(ii) Faedah berpakaian sukan semasa beraktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keselamatan pergerakan. • Memudahkan pergerakan. • Keselesaan . 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan cara-cara membersihkan tubuh badan selepas melakukan aktiviti pendidikan jasmani dan rekreasi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan sekurang-kurangnya dua faedah berpakaian sukan semasa beraktiviti. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta pakaian sukan pada tahun 2020. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melukis pakaian sukan yang sesuai. • Berbincang faedah berpakaian bersukan semasa beraktiviti. • Memotong dan menampal gambar pakaian sukan dari majalah dalam folio.

OBJEKTIF AM

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Tahun 2, murid dapat :

1. Melakukan aktiviti kecergasan berkaitan dengan daya tahan kardiovaskular, kelenturan, koordinasi, imbangan, dan ketangkasan;
2. Melakukan pergerakan asas, gimnastik pendidikan dan pergerakan kreatif dengan betul dan selamat;
3. Memahami dan mematuhi arahan serta peraturan dalam semua aktiviti bagi menjaga keselamatan;
4. Memahami serta mengamalkan pengurusan masa yang sesuai untuk beraktiviti; dan
5. Berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan dalam suasana yang menggembirakan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

TUNJANG PEMBELAJARAN 1 : KECERGASAN

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1. Kecergasan Fizikal</p> <p>(a) Daya Tahan Kardiovaskular Daya tahan kardiovaskular bermaksud keupayaan jantung dan sistem peredaran darah berfungsi dengan baik.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan berterusan 3 – 4 minit • Lari berganti-ganti 2 x 200 meter • Naik turun bangku 3 – 4 minit 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti daya tahan kardiovaskular. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan tiga aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan tiga otot utama yang terlibat semasa melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. 	<p>Guru boleh merujuk cadangan berikut bagi mencapai hasil pembelajaran. Guru juga boleh mencadangkan aktiviti pembelajaran lain mengikut kebolehan murid.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular secara individu dan berpasangan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Menamakan tiga otot-otot yang terlibat dengan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melabelkan otot-otot yang terlibat dalam melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti daya tahan kardiovaskular.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none">• Latihan yang sistematik.• Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti.• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Perlakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(b) Kelenturan</p> <p>Kelenturan bermaksud keupayaan meregang otot beserta kebebasan sendi bergerak dengan sepenuhnya</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meleding sokong hadapan dua lutut. • Meleding sokong hadapan satu lutut. • Meleding belakang dengan lutut bengkok. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Latihan yang sistematik. • Perlakuan murid. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti kelenturan. • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti kelenturan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan ketiga-tiga aktiviti kelenturan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti kelenturan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti kelenturan. • Mengenal pasti tiga otot utama yang terlibat semasa melakukan aktiviti kelenturan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti kelenturan secara individu dan kumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti kelenturan. • Menamakan tiga anggota badan yang terlibat dengan aktiviti kelenturan. • Melabelkan otot-otot yang terlibat dalam melakukan aktiviti kelenturan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(c) Koordinasi</p> <p>Koordinasi bermaksud pergerakan yang melibatkan keselarasan antara mata, tangan, kaki dan badan</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lambung dan sambut bola kecil. • Lambung, tepuk dan sambut bola kecil. • Lambung, pusing dan sambut bola kecil. <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Latihan yang sistematik. • Perlakuan murid. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti koordinasi. • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti koordinasi. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan ketiga-tiga aktiviti koordinasi. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti koordinasi. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti koordinasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti koordinasi secara individu dan berkumpul. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti koordinasi. • Menamakan tiga otot utama yang terlibat dengan aktiviti koordinasi. • Melabelkan otot-otot yang terlibat dalam melakukan aktiviti koordinasi.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>(d) Imbangan</p> <p>Imbangan bermaksud kebolehan seseorang mengekalkan posisi badannya ketika dia berada dalam keadaan tetap atau semasa melakukan sesuatu aktiviti.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dirian bangau • Dirian skala depan • Dirian skala sisi <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Latihan yang sistematik • Perlakuan murid. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti imbangan. • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti imbangan dengan betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan ketiga-tiga aktiviti imbangan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti imbangan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti otot utama yang terlibat semasa melakukan aktiviti imbangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti imbangan secara individu dan berpasangan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti imbangan. • Melakar dan mewarnakan memek muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti imbangan. • Melabelkan otot-otot utama yang terlibat dalam melakukan aktiviti imbangan.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1</p> <p>(e) Ketangkasan</p> <p>Ketangkasan bermaksud kebolehan seseorang bergerak dengan pantas sambil bertukar arah atau posisi.</p> <p>(i) Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pijak bayang diri atau rakan • Bola beracun • Galah panjang <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. • Penyeliaan, arahan dan bimbingan. • Latihan yang sistematik. • Perlakuan murid. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti ketangkasan. • Melakukan sekurang-kurangnya dua aktiviti ketangkasan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melakukan ketiga-tiga aktiviti ketangkasan. • Menyatakan perasaan semasa melakukan aktiviti ketangkasan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti ketangkasan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti ketangkasan secara individu dan kumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti ketangkasan. • Melakar dan mewarnakan muka untuk menyatakan perasaan selepas melakukan aktiviti ketangkasan. • Melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti ketangkasan.

TUNJANG PEMBELAJARAN 2 : KEMAHIRAN

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p>1. Pergerakan Asas</p> <p>(a) Lokomotor</p> <p>Lokomotor bermaksud pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain</p> <p>(i) Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berjalan • Berlari • Melompat • Merangkak • Berguling <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan lokomotor. • Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan lokomotor dengan menggunakan alatan. • Melakukan satu rangkaian aktiviti pergerakan dalam pergerakan lokomotor. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta pergerakan lokomotor bersama rakan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor secara individu dan kumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan lokomotor. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam aktiviti pergerakan lokomotor. • Menamakan sepuluh aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pergerakan lokomotor. • Melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<ul style="list-style-type: none">• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Latihan yang sistematik.• Perlakuan murid.	<ul style="list-style-type: none">• Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan lokomotor.	<ul style="list-style-type: none">• Memberi contoh aktiviti harian yang berkaitan dengan pergerakan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<p style="text-align: center;">(b) Bukan Lokomotor</p> <p>Bukan lokomotor bermaksud keupayaan untuk menggerakkan bahagian tubuh badan tanpa beralih tempat.</p> <p>(i) Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berdiri • Duduk • Membongkok • Memusing • Mencekam • Mengilas • Menguak • Menyokong <p>(ii) Aspek-Aspek Keselamatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kemampuan, tahap, dan kecergasan murid semasa melakukan aktiviti. • Kemudahan peralatan. • Persekitaran atau tempat beraktiviti. 	<p>Murid dapat :</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor dengan gaya yang betul dan selamat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta aktiviti pergerakan bukan lokomotor dengan menggunakan alatan. • Melakukan satu rangkaian aktiviti pergerakan dalam pergerakan bukan lokomotor. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta pergerakan bukan lokomotor bersama rakan. • Mengenal pasti anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor secara individu dan kumpulan. • Menyebut aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Menunjuk cara rangkaian pergerakan dalam aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Menamakan sepuluh aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran pergerakan bukan lokomotor. • Melabelkan anggota badan yang terlibat semasa melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor. • Memberi contoh aktiviti harian yang berkaitan dengan pergerakan bukan lokomotor.

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
<ul style="list-style-type: none">• Kemudahan peralatan.• Persekitaran atau tempat beraktiviti.• Penyeliaan, arahan dan bimbingan.• Latihan yang sistematik.• Pelakuan murid.		

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI
TAHUN 2**

BIDANG / UNIT PEMBELAJARAN	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN
